

UOB ONE Card Terma dan Syarat

Berkuatkuasa bermula 1 April 2023

Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad UOB ONE yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 199301017069 (271809- K) ("UOB Malaysia") kepada Ahli Kad UOB ONE ("Ahli Kad") dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOB ("Perjanjian Ahli Kad") .

Dalam terma dan syarat ini, rujukan berikut membawa maksud: -

- (a) "Kad UOB ONE" merujuk kepada Kad UOB ONE Classic dan Kad UOB ONE Platinum yang dikeluarkan oleh UOB Malaysia.
- (b) "Ahli Kad" bermakna kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan yang mempunyai Kad UOB ONE.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOB Malaysia berhak untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran dan/atau penggunaan sebarang atau semua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan di bawah dan keputusan UOB Malaysia adalah muktamad dan akan mengikat Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOB Malaysia pada bila-bila masa dengan notis awal.

Kemas kini pada Terma dan Syarat:

Klausa berikut telah dikemas kini dan Terma dan Syarat ini akan berkuat kuasa mulai 1 April 2023:

- (i) Klausula 1 berkenaan Perbelanjaan Runcit Minima untuk Kad ONE Platinum telah dikemas kini daripada RM1,200 kepada RM1,500 setiap bulan penyata dan juga memberi penerangan yang lebih jelas dari segi penggunaan perkataan dan ungkapan namun tidak terhad kepada definisi Kod Kategori Pedagang ("MCC").
- (ii) Klausula 3 telah ditambah untuk penerangan yang lebih jelas tentang pengiraan Perbelanjaan Runcit Minima.
- (iii) Klausula 4(d) telah dikemas kini untuk penerangan yang lebih jelas tentang penjadualan keperluan Perbelanjaan Runcit Minima untuk kelayakan Rebat Tunai.

Program Rebat Kad UOB ONE

Program Rebat Tunai Kad UOB ONE (“Program Rebat Tunai”)

1. Pendapatan rebat tunai setiap bulan penyata disenaraikan dalam jadual di bawah:

(a) Kad ONE Platinum

Kategori Rebat	Kadar Rebat Tunai		Had Maksima Ganjaran Rebat Tunai Mengikut Kategori Rebat
	Belanja Runcit Minima setiap Bulan Penyata (RM0 – RM 1,499)	Belanja Runcit Minima setiap Bulan Penyata (RM 1,500 dan keatas)	
Petrol	0.2%	10%	RM15
Baranga Runcit	0.2%	10%	RM15
Makanan	0.2%	10%	RM15
Grab	0.2%	10%	RM15
Perbelanjaan Runcit Lain	0.2%	0.2%	Tanpa Had

Table 1

(b) Kad ONE Classic

Kategori Rebat	Kadar Rebat Tunai		Had Maksima Ganjaran Rebat Tunai Mengikut Kategori Rebat
	Belanja Runcit Minima setiap Bulan Penyata (RM0 – RM499)	Belanja Runcit Minima setiap Bulan Penyata (RM500 dan keatas)	
Petrol	0.2%	10%	RM10
Barangan Runcit	0.2%	10%	RM10
Makanan	0.2%	10%	RM10
Grab	0.2%	10%	RM10
Perbelanjaan Runcit Lain	0.2%	0.2%	Tanpa Had

Table 2

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini:

- (i) “**Rebat Tunai**” merujuk kepada jumlah wang tunai yang diberikan berdasarkan kelayakan transaksi yang menggunakan Kad UOB ONE seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan 2 di atas apabila syarat Belanja Runcit Minima dipenuhi.
- (ii) “**Belanja Runcit Minima**” merujuk kepada jumlah belanja runcit yang dibuat dalam mata wang tempatan dan/atau asing menggunakan Kad UOB ONE yang disenaraikan dalam Penyata Bulanan. Sekiranya transaksi dibuat dalam mata wang asing selain daripada Ringgit Malaysia, kadar pertukaran semasa UOB Malaysia akan digunakan.

- (iii) **"Penyata Bulanan"** merujuk kepada kitaran penyata untuk setiap Pemegang Kad Utama di mana jumlah bil yang dikenakan untuk transaksi Kad UOB ONE dipaparkan dalam penyata kad kredit bulanan Pemegang Kad Utama ("Penyata Akaun").
- (iv) **"Petrol"** ditakrifkan sebagai sebarang pembelian dalam MCC 5541 dan 5542 sahaja seperti yang direkodkan oleh sistem UOB Malaysia. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi kategori rebat petrol merangkumi semua stesen minyak di seluruh negara melalui pembayaran yang dibuat dalam aplikasi mudah alih Setel CardTerus yang menggunakan Kad UOB ONE. Transaksi tambah nilai Setel Wallet adalah tidak layak untuk mendapat Rebat Tunai.
- (v) **"Bahan Runcit"** ditakrifkan sebagai sebarang pembelian di AEON Big, AEON Supermarket, Ben's Independent Grocer, Cold Storage, Econsave, Everise, Giant, Jaya Grocer, Lotus's (dahulu dikenali sebagai Tesco Stores), Mercato, Mydin, Servay, dan Village Grocer dalam MCC 5411 sahaja seperti yang direkodkan oleh sistem UOB Malaysia.
- (vi) **"Perbelanjaan Makan"** ditakrifkan sebagai pembelian dalam MCC 5812 dan 5814 sahaja seperti yang direkodkan oleh sistem UOB Malaysia.
- (vii) **"Grab"** ditakrifkan sebagai sebarang pembelian melalui aplikasi Grab untuk perkhidmatan Grab seperti yang dinyatakan dalam MCC berikut yang direkodkan oleh sistem UOB Malaysia:
 - a. GrabRides dalam MCC 4121.
 - b. GrabExpress dalam MCC 4215.
 - c. GrabFood dalam MCC 5814.
 - d. GrabMart dalam MCC 5499.
 - e. GrabPay dalam MCC 6540.
 - f. GrabSubscription dalam MCC 4789
- (viii) **"MCC"** mengklasifikasikan jenis kod kategori untuk barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh peniaga. Penetapan MCC dilaksanakan oleh bank penerima peniaga yang berkaitan dan adalah tanggungjawab bank penerima peniaga tersebut untuk menetapkan MCC yang tepat. Untuk mengelakkan keraguan, UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketidakperincian tersebut, kerana penetapan MCC tidak dilakukan oleh UOB Malaysia, maka adalah di luar kawalan UOB Malaysia.

Pengecualian

2. Rebat Tunai hanya akan diberikan untuk pembelian dan pembayaran di bawah kategori rebat yang disenaraikan dalam jadual di atas dengan menggunakan Kad UOB ONE sahaja. Transaksi berikut **akan dikecualikan daripada menerima** sebarang Rebat Tunai :
 - (a) Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak.
 - (b) Pembayaran jaminan atau bon.
 - (c) Pemindahan Baki.
 - (d) Pengeluaran tunai.
 - (e) Pertubuhan Kebajikan.
 - (f) Pelan Pembayaran Easi (EPP).

- (g) Pelan *Flexi-Credit*
 - (h) Transaksi Kerajaan.
 - (i) Pelan Pembayaran Ansuran (IPP).
 - (j) Insuran Liberty.
 - (k) Pembayaran yuran keahlian kad tahunan, pembayaran faedah, caj bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai dan sebarang bentuk caj perkhidmatan /caj tambahan lain yang menggunakan Kad UOB ONE.
 - (l) Pembayaran untuk perlindungan kredit.
 - (m) Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu.
 - (n) Transaksi tambah nilai kecuali GrabPay.
 - (o) Bil utiliti (contohnya JomPAY)
 - (p) Transaksi melalui Perbankan Internet Peribadi ("PIB").
 - (q) Transaksi yang dipaparkan pada tarikh Penyata Bulanan.
3. Pengiraan Belanja Runcit Minima akan dikira berdasarkan tarikh perakaman dalam Penyata Bulanan untuk sebarang perbelanjaan runcit dan pembayaran yang dibuat dengan Kad UOB ONE sahaja. Transaksi berikut akan dikecualikan daripada pengiraan Belanja Runcit Minima:
- (a) Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak.
 - (b) Pembayaran jaminan atau bon.
 - (c) Pemindahan Baki.
 - (d) Pengeluaran tunai.
 - (e) Pertubuhan Kebajikan.
 - (f) Pelan Pembayaran Easi (EPP).
 - (g) Pelan *Flexi-Credit*
 - (h) Transaksi Kerajaan.
 - (i) Pelan Pembayaran Ansuran (IPP).
 - (j) Pembayaran yuran keahlian kad tahunan, pembayaran faedah, caj bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai dan sebarang bentuk caj perkhidmatan /caj tambahan lain yang menggunakan Kad UOB ONE.
 - (k) Pembayaran untuk perlindungan kredit.
 - (l) Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu.
 - (m) Transaksi melalui JomPAY.
 - (n) Transaksi melalui Perbankan Internet Peribadi ("PIB").
 - (o) Transaksi yang dipaparkan pada tarikh Penyata Bulanan.
4. Sebarang ganjaran yang terkumpul termasuklah ganjaran yang belum dikreditkan ke akaun Pemegang Kad akan dibatalkan serta-merta dan Pemegang Kad tidak layak menikmati manfaat Rebat Tunai sekiranya perkara berikut berlaku :
- (a) Sebarang pembatalan Kad UOB ONE; atau

- (b) Sebarang penukaran Kad UOB ONE kepada mana-mana Kad Kredit UOB lain dan tiada bayaran balik, perlanjutan tarikh atau pampasan akan diberikan oleh UOB Malaysia; atau
 - (c) Akaun Kad Kredit Pemegang Kad menjadi tertunggak dan tiada bayaran balik, sambungan mahupun pampasan akan diberikan oleh UOB Malaysia; atau
 - (d) Sebarang pulangan pembayaran atau pembatalan transaksi perbelanjaan runcit yang mengakibatkan pengurangan jumlah Belanja Runcit Minima secara keseluruhan.
5. Perbelanjaan Runcit Minima yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan akan digabungkan dengan Perbelanjaan Runcit Minima Pemegang Kad Kredit Utama dalam menentukan kelayakan untuk kadar Rebat Tunai. Bagi mengelakkan keraguan, Rebat Tunai yang dikumpul oleh Pemegang Kad Kredit Utama dan Pemegang Kad Kredit Tambahan di bawah Program Rebat Tunai ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Pemegang Kad Kredit Utama dan juga akan direkodkan dalam Penyata Bulanan Akaun Pemegang Kad Kredit Utama.
6. Sungguhpun UOB Malaysia komited untuk mengkreditkan Rebat Tunai ke dalam Akaun Pemegang Kad Kredit berdasarkan masa yang ditetapkan, namun mungkin berlaku kelengahan pengkreditan Rebat Tunai ke dalam Akaun Pemegang Kad Kredit atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Untuk mengelakkan keraguan, penerimaan Rebat Tunai dalam jangkamasa Penyata Bulanan akan ditentukan berdasarkan tarikh transaksi yang dirakamkan dalam Akaun Kad Kredit. Dalam keadaan sebegini, UOB Malaysia tidak menjamin Rebat Tunai yang diperoleh atau transaksinya akan dirakamkan secara segera dalam Akaun Pemegang Kad Kredit atau Penyata Bulanannya dan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran yang disebabkan oleh kelewatan ini.
7. Untuk sebarang pertikaian dan pertanyaan mengenai Rebat Tunai yang memerlukan penyiasatan dan/atau pembetulan, Ahli Kad perlu menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan UOB dalam tempoh enam (6) bulan dari Penyata Bulanan yang mengandungi Rebat Tunai yang dipertikaikan.

Terma dan Syarat Am

8. Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini dan juga terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad termasuk sebarang pindaan dan/atau perubahan kepadanya. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan.
9. Ahli Kad hendaklah mendapatkan penjelasan daripada wakil sah UOB Malaysia jika terdapat sebarang terma dan syarat yang tidak difahami oleh Ahli Kad.

10. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik atau menggantung Program Rebat Tunai secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan notis awal. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Program Rebat Tunai oleh UOB Malaysia tidak memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad, sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan sedemikian, kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan khususnya dengan Program Rebat Tunai di sini.
11. Ahli Kad layak untuk ikut serta dalam Program Rebat Tunai dengan syarat Ahli Kad tidak mungkir pada mana-mana terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
12. Tanpa prejudis terhadap perkara-perkara yang sebelumnya, sekiranya rebat tunai diberikan dan diterima oleh individu yang melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau salah-laku yang berkaitan dengan penggunaan Kad UOB ONE mereka dan/atau sebarang transaksi yang dilakukan menggunakan Kad UOB ONE mereka, UOB Malaysia berhak untuk membatalkan kelayakan individu tersebut daripada memperoleh atau menggunakan rebat tunai.
13. Lanjutan daripada perkara di atas, UOB Malaysia berhak membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Kredit UOB, dan untuk menggabungkan semua jumlah tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit utama (jika berkenaan).
14. Keputusan UOB Malaysia untuk semua hal berkaitan dengan Program Rebat Tunai adalah muktamad dan terikat kepada Ahli Kad. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan sesiapa jua tentang apa-apa hal berkaitan dengan Program Rebat Tunai.
15. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, para pedagang, pihak pos atau telekomunikasi yang berkuasa atau mana-mana pihak lain yang mungkin menyebabkan Ahli Kad gagal menerima rebat di bawah Program Rebat Tunai.
16. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Program Rebat Tunai.

17. UOB Malaysia tidak merupakan rakan kongsi para pedagang dan/atau cawangan yang mengambil bahagian dan tidak membuat sebarang perwakilan atau waranti terhadap kualiti barang dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh para pedagang dan/atau cawangan yang mengambil bahagian
18. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kerosakan atau ketidakpuashatian dengan kualiti barang dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh para pedagang dan/atau cawangan yang mengambil bahagian.
19. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan dengan Program Rebat Tunai yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Program Rebat Tunai.
21. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Program Rebat Tunai ini, terma dan syarat Program Rebat Tunai ini akan didahulukan dan diguna pakai
22. UOB Malaysia berhak untuk menambah, memadam, atau/dan mengubah terma dan syarat Program Rebat Tunai, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOB Malaysia, memaparkan notis di mana-mana cawangan/penyata/eDM UOB Malaysia dan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
23. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

- Tamat -